**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**
**NEGERI PULAU PINANG**

# KENYATAAN TAWARAN

**KOD TENDER :**
**PSUKPP/TENDER/11/2017**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang Gred G2, Kategori B & CE, Pengkhususan B09 (Lanskap) & CE14 (Lanskap)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tender berikut:-

**"KERJA-KERJA BERKAITAN DENGAN TAMAN DAN LANSKAP DI DEWAN SRI PINANG"**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam tender ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 1 2 Julai 2017 (Selasa) |
| Masa | : | 10:00 pagi |
| Tempat | : | Bilik Dahlia,<br>Dewan Sri Pinang, Lebuh Light.<br>10200 Pulau Pinang |
| Kehadiran | : | Pemilik Syarikat sahaja (Wakil Tidak Dibenarkan). |
| Tambahan | : | **SILA BAWA COP SYARIKAT** |

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem (sysP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan dan tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** membawa bersama dokumen salinan asal dan salinan fotostat (tidak akan dikembalikan).

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil SPKK, CIDB dan STB dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 03 Ogos 2017 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

5. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00** secara atas talian (online) dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **13 Julai 2017 (Khamis)**.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah menjadi tanggung jawab Petender. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web http://ep.penang.gov.my

YB Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang

| | |
|---|---|
| Filename: | E8ADBF7B |
| Directory: | C:\Users\821118075584\AppData\Local\Microsoft\Windows\INetCache\Content.MSO |
| Template: | C:\Users\821118075584\AppData\Roaming\Microsoft\Templates\Normal.dotm |
| Title: | |
| Subject: | |
| Author: | Nur Badariah Md Hassan |
| Keywords: | |
| Comments: | |
| Creation Date: | 05/07/2017 9:37:00 AM |
| Change Number: | 2 |
| Last Saved On: | 05/07/2017 9:37:00 AM |
| Last Saved By: | 821118075584 |
| Total Editing Time: | 1 Minute |
| Last Printed On: | 05/07/2017 9:38:00 AM |
| As of Last Complete Printing | |
| Number of Pages: | 2 |
| Number of Words: | 431 (approx.) |
| Number of Characters: | 2,459 (approx.) |